

## LATAR BELAKANG

Staf Kerajaan/Universiti Teknologi Malaysia diberi jaminan tamat perkhidmatan yang baik samada memilih skim pencen atau skim KWSP. Pilih skim pencen kebajikan mereka dan keluarga dijamin oleh Akta Pencen 239 hingga selepas bersara dalam bentuk pencen bulanan dan perubatan.

Pilih Skim KWSP atau yang tidak berpeluang memilih skim pencen mereka juga tidak diabaikan iaitu dengan memotong 11% dari gaji bulanan staf dan majikan menambah 13% sebagai caruman tetap bulanan. Semua caruman bersama kadar faedah tahunan akan dinikmati oleh pencarum apabila tiba masanya.

## OBJEKTIF

Memberi maklumat kepada staf UTM mengenai skim tamat perkhidmatan yang ada.

Panduan kepada staf tetap untuk membuat pilihan samada Skim Pencen/Skim KWSP.

Maklumat tambahan kepada yang ingin tahu mengenai skim-skim di atas

## RUJUKAN

1	Akta 239	Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa dan Tempatan 1980
2	Akta A619	Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1985
3	Akta A645	Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1986
4	Akta A793	Akta Pencen (Pindaan) 1991
5	Akta A824	Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1992

\*JBPP - Jumlah Bulan Perkhidmatan Penuh

Maklumat lanjut berkaitan skim persaraan, sila layari

<http://www.jpapencen.gov.my/>

Maklumat lanjut berkaitan skim KWSP, sila layari

<http://www.kwsp.gov.my>



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pejabat  
Pendaftaran  
UTM  
Kuala Lumpur

## PERBEZAAN ANTARA SKIM PENCEN & SKIM KWSP

*inovatif · entrepreneurial · global*

Pejabat Pendaftaran  
**(BAHAGIAN PENGURUSAN MODAL INSAN)**

Universiti Teknologi Malaysia  
54100 Kuala Lumpur

Tel: 03-26154830  
Fax: 03-26934344

Website : [registrar.utm.my/kualalumpur/](http://registrar.utm.my/kualalumpur/)

**Pejabat Pendaftaran**

Bahagian Pengurusan Modal Insan

# Skim Pencen

Staf tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan, memilih skim pencen dan telah berkhidmat 10 tahun atau lebih memperoleh kemudahan-kemudahan seperti berikut :-

## Bersara Atas Perkhidmatan

- a. Bersara wajib 55/56/58/60 tahun  
Pencen diterima tiap-tiap bulan.  
Perkiraan Pencen :

$$\frac{1}{600} \times \text{Gaji Akhir} \times \text{JBPP}^*$$

(JBPP maksimum 30 tahun dan tertakluk kepada had maksimum 60% gaji akhir)

- b. Bersara Pilihan  
Umur bersara pilihan dan bayaran pencen seperti jadual di bawah :

	Lelaki	Perempuan
Umur Bersara Pilihan	40	40
Bayaran Pencen	50	45

Pencen diterima tiap-tiap bulan. Perkiraan Pencen:

$$\frac{1}{600} \times \text{Gaji Akhir} \times \text{JBPP}^*$$

(JBPP maksimum 30 tahun dan tertakluk kepada had maksimum 60% gaji akhir)

Ganjaran dibayar sebaik sahaja diluluskan persaraan pilihan.

Perkiraan Ganjaran :

$$\frac{7.5}{100} \times \text{Gaji Akhir} \times \text{JBPP}^*$$

## CATATAN:

Faedah Bersara Atas Perkhidmatan (a) dan (b) di atas hanya boleh dinikmati apabila mencapai umur bersara. Staf yang berhenti sebelum umur tersebut tidak mendapat apa-apa kecuali wang caruman KWSP yang dibuat sebelum masuk skim pencen.

## Bersara Atas Sebab Kesihatan

- a. Pencen diterima tiap-tiap bulan  
Sama seperti pencen perkhidmatan tetapi tiada had umur. Disahkan oleh Lembaga Perubatan tidak ada harapan untuk sembuh.

Perkiraan Pencen:

$$\frac{1}{600} \times \text{Gaji Akhir} \times \text{JBPP}^*$$

(JBPP maksimum 30 tahun dan tertakluk kepada had maksimum 60% gaji akhir)

- b. Ganjaran diterima sekali sahaja  
Perkiraan Pencen :

$$\frac{7.5}{100} \times \text{Gaji Akhir} \times \text{JBPP}^*$$

## Pencen Hilang Upaya

- a. Dibayar kepada staf yang cedera kerana menjalankan tugas seperti berikut :-  
i) Semasa melaksanakan tugas rasmi  
ii) Jenis tugas menyebabkan staf terdedah kepada penyakit  
iii) Melaksanakan tugas dalam kawasan keselamatan  
iv) Kemalangan dalam perjalanan ke tempat kerja.
- b. Sekiranya bencana yang diterima disebabkan Pencen Hilang Upaya a(i) dan a(ii). Pencen hilang upaya adalah seperti berikut:-  
i. 1/12 daripada gaji- tercacat sedikit  
ii. 1/6 daripada gaji- tercacat (Impaired)  
iii. 1/4 daripada gaji- tercacat pada matanya  
iv. 3/8 daripada gaji- musnah sama sekali
- c. Jika hilang upaya disebabkan Pencen Hilang Upaya a(iii) dan a(vi)  
i. 1/8 daripada gaji- tercacat sedikit  
ii. 1/4 daripada gaji- tercacat  
iii. 3/8 daripada gaji- tercacat pada matanya  
Iv. 1/2 daripada gaji- musnah sama

## Pencen Tanggungan

Sekiranya staf mati disebabkan Pencen Hilang Upaya (a) dalam tempoh 7 tahun mendapat bencana, keluarga akan mendapat pencen tanggungan.

- a. Jika disebabkan Pencen Hilang Upaya a(i) dan a(ii)  
i. Balu/duda  
\* 1/6 daripada gaji staf  
ii. Tiap-tiap anak (maksima 6 orang)  
\* 1/48 daripada gaji staf, atau  
\* 1/24 daripada gaji staf (jika tiada balu/duda terima pencen)  
iii. Ibu/bapa  
\* 1/12 daripada gaji staf; atau  
\* 1/6 daripada gaji staf (jika tiada balu/duda terima pencen)
- b. Jika kematian akibat Pencen Hilang Upaya a(ii) dan a(iv). Kadar pencen tanggungan adalah seperti berikut :-  
i. Balu/duda  
\* 1/4 daripada gaji staf, atau  
ii. Tiap-tiap anak (maksima 6 orang)  
\* 1/48 daripada gaji staf; atau  
\* 1/24 daripada gaji staf (jika tiada balu/duda terima pencen)  
iii. Ibu/bapa  
\* 1/8 daripada gaji staf; atau  
\* 1/4 daripada gaji staf (jika tiada balu/duda terima pencen)

## Skim KWSP

- i. Staf menerima gaji bulan disyaratkan mencarum kepada KWSP sebanyak 11% dari gaji milik pencarum dan 13% dari majikan dan ianya berterusan sehingga mencapai umur 55/56/58/60 tahun atau meninggalan UTM. Bagi staf tetap yang membuat opsyen skim pencen akan diberhentikan mencarum sebaik sahaja diberi pekerja berpencen.
- ii. Pencarum boleh berhenti dari perkhidmatan pada bila-bila masa dan peringkat umur caruman pekerja dan caruman majikan akan menjadi milik pencarum.
- iii. Boleh dikeluarkan sebahagian dari simpanan untuk tujuan membeli rumah, pengajian anak dan perubatan.

## Pencen & Ganjaran Terbitan

- a. Pencen Terbitan  
i. Dibayar kepada keluarga apabila staf berpencen meninggal dunia dalam perkhidmatan. Perkiraan pencen sama seperti perkiraan pencen perkhidmatan. Perkiraan Pencen :  
$$\frac{1}{600} \times \text{JBPP}^* \times \text{Gaji Akhir}$$
  
(JBPP maksimum 30 tahun dan tertakluk kepada had maksimum 60% gaji akhir)
- ii. Pesara meninggal dunia, balu/duda/anak terus menerima pencen dan anak di bawah umur 21 tahun atau sedang menuntut ijazah pertama.
- iii. Disusutkan kepada 70% selepas 12 setengah tahun dari tarikh persaraan.
- b. Ganjaran Terbitan  
Perkiraan Ganjaran  
$$\frac{7.5}{100} \times \text{JBPP}^* \times \text{Gaji Akhir}$$
  
Sama seperti ganjaran pencen perkhidmatan tetapi diterima oleh :  
i. Balu/duda  
ii. Anak-anak berumur kurang 21 tahun  
iii. Anak cacat yang tidak boleh menanggung hidupnya  
iv. Ibu/bapa yang disara oleh staf  
v. Jika tiada i,ii,iii, dan iv di atas, dibayar kepada wakil sah mengikut undang-undang

## Nota

- a. Kadar pencen diselaraskan apabila ada pelarasan gaji di sector awam.
- b. Pesara diberi kad pesara untuk pengenalan dan bagi melayakkan mendapat faedah-faedah perubatan pesara dan tanggungan dan lain-lain kemudian yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dari semasa ke semasa.
- c. Staf yang memilih skim pencen boleh mengeluarkan caruman KWSP syer sendiri mulai 1 Julai 2000